



A qualified Sustainable &
Responsible Investment (SRI) Fund

Melabur Sepenuh Pertimbangan & Keprihatinan



MAMG Global Environment Fund

Humanising Financial Services.



Maybank

Asset Management

Melabur Sepenuh Pertimbangan & Keprihatinan

MAMG Global Environment Fund

MAMG Global Environment Fund (“Dana”) merupakan dana pengantara yang bermatlamat untuk mencapai pertumbuhan modal dengan melabur dalam BNP Paribas Funds Global Environment (“Dana Sasaran”).

Dana Sasaran berusaha menambah nilai asetnya menerusi peringkat sederhana dengan melabur dalam syarikat-syarikat yang beroperasi dalam pasaran alam sekitar. Ini termasuk tenaga boleh baharu & alternatif, kecekapan tenaga, infrastruktur & teknologi air, kawalan pencemaran, pengurusan & teknologi sisa, perkhidmatan sokongan alam sekitar, dan makanan mampan.


Mengapa melabur dalam MAMG Global Environment Fund?

1) Prestasi pasaran-pasaran alam sekitar telah mengatasi pasaran ekuiti yang luas:

Potensi pertumbuhan jangka panjang dalam peluang-peluang pasaran alam sekitar global



Disokong oleh sejumlah 50 tema ekonomi makro jangka panjang



Prestasi lepas bukan petunjuk keputusan pada masa hadapan, yang mungkin berbeza-beza. Kerugian prinsipal mungkin berlaku. Tiada jaminan bahawa Impax akan mencapai keputusan prestasi pada masa hadapan, setanding dengan prestasi yang ditunjukkan di sini. Data setakat 30 Jun 2022, dalam USD. Sumber: FactSet, berdasarkan pulangan harga.

2) Dana Sasaran ini memanfaatkan syarikat-syarikat berkualiti dalam 6 Pasaran Alam Sekitar utama:

Portfolio pelbagai yang seimbang, berkeyakinan tinggi



Berteras makro dan bertema, dengan pilihan saham ESG yang disepadukan

Tenaga Baharu

- Pemaju & pengeluaran tenaga bebas
- Biobahanapi
- Hidrogen
- Solar
- Angin
- Grid pintar
- Kecekapan perindustrian, pengguna & pembinaan
- Penyimpanan tenaga & bekalan kuasa tanpa gangguan
- Pencahayaan

1

Pengangkutan Bersih dan Cepak

- Penerbangan
- Perkapalan
- Kereta api
- E-basikal & basikal
- Bas & koc
- Kenderaan & peranti jalan raya
- Pengurangan pencemaran
- Mobiliti yang dikongsi

2

Makanan Mampan

- Organik & alternatif
- Teknologi & logistik
- Keselamatan & pembungkusan
- Pertanian & akuakultur
- Perhutanan

3

Alam Sekitar Pintar

- Perundingan R&D
- Kewangan & pelaburan
- Ujian & pemantauan
- Kawalan pencemaran
- Sumber-sumber alam sekitar
- IT cepak
- Pengkomputeran awan
- Penyelesaian kerjasama digital

4

Ekonomi Kitaran

- Pengurusan sisa am & berbahaya
- Kitar semula, produk boleh kitar semula & biobahan
- Kitaran & kecekapan sumber
- Teknologi

5

Air

- Pengagihan & infrastruktur
- Rawatan
- Kecekapan
- Utiliti

6

Sumber: Impax Asset Management, Jun 2022.

3) Dana Sasaran ini seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (SDGs)

AUTOMASI PROSES PENGELUARAN & PENDIGITALAN PERSEKITARAN KILANG (JERMAN)

| | | |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Memanfaatkan teknologi dan data digital untuk menghasilkan kecekapan | Menangani cabaran alam sekitar dan sumber | Kesan yang dicapai |
| Berkedudukan tepat untuk berhadapan dengan trend alam sekitar yang berubah pantas, termasuk pendigitalan perindustrian. | <ul style="list-style-type: none"> Penghantaran kuasa yang cekap Penyelesaian grid pintar Kecekapan tenaga bangunan Pengangkutan karbon lebih rendah Kilang-kilang digital | Pada 2020, pihak syarikat berjaya membantu para pelanggannya mengelakkan 42 juta tan CO₂ dengan mengurangkan penggunaan tenaga. |

PENGELUAR PERALATAN SISTEM KEDUDUKAN SEJAGAT, SENSOR & KOMUNIKASI (AS)

| | | |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Penyelesaian menerusi integrasi data GPS dan alam sekitar | Peluang pelaburan | Kesan yang dicapai |
| Menyumbang kepada penggunaan air, biji benih dan baja yang lebih cekap, seterusnya meningkatkan produktiviti dan ketahanan tumbuhan, serta mengurangkan risiko larian pertanian. | Memperluaskan jualan daripada perkhidmatan langganan pada margin yang tinggi. Produk-produk diperkenalkan kepada tanaman, bidang kuasa dan sektor baharu seperti air. | la membolehkan kliennya mengelakkan 7.4 juta tan CO₂ menerusi penggunaan baja yang lebih tepat pada 2020. |

Sumber: Impax Asset Management, setakat 31 Disember 2020. Prestasi saham individu tidak melambangkan prestasi dana. Sekuriti yang dinyatakan di atas adalah untuk tujuan gambaran sahaja dan tidak mewakili sebarang nasihat pelaburan. Tiada jaminan bahawa dana sedang melabur dan/atau akan melabur dalam sekuriti tersebut pada masa hadapan. Semua tanda dagangan, hak cipta dan harta intelek lain kekal sebagai harta pemiliknya masing-masing.

4) Dana Alam Sekitar dengan rekod prestasi Dana Sasaran yang cemerlang dan kukuh


Dana yang mempunyai tauliah, diurus oleh peneraju global dalam pelaburan pasaran alam sekitar

Dianugerahkan label SRI¹ Ke Arah Kemampanan²

Saiz dana melebihi AS\$3.0bn³

Telah berkembang sejak pelancarannya pada April 2008

*PRESTASI 10 TAHUN KALENDAR EURO (BERSIH)



| Year | 2021 | 2020 | 2019 | 2018 | 2017 | 2016 | 2015 | 2014 | 2013 | 2012 |
|---------------------------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|
| DANA | 30.63 | 14.29 | 29.49 | -9.88 | 11.09 | 14.30 | 8.40 | 9.40 | 25.10 | 18.90 |
| PENANDA ARAS (MSCI World) | 31.07 | 6.33 | 30.02 | -4.11 | 7.51 | 10.70 | 10.40 | 19.50 | 21.20 | 14.00 |

*1, Kelas Saham Permodalan

Sumber: BNP Paribas Asset Management, Lembaran Fakta, 31 Mei 2022. Semua angka adalah bersih daripada fi (dalam Euro).

Sumber: ¹Label SRI, Jun 2022. Label "Sustainable and Responsible Investment" (SRI) ialah alat untuk memilih pelaburan yang bertanggungjawab dan mampan, dicipta dan disokong oleh Kementerian Kewangan Perancis. Ia juga bertujuan memastikan yang pengurusan dana dibuat berasaskan kaedah utuh, dengan ketelusan dan maklumat berkualiti yang tinggi. Sesebuah dana mestilah memenuhi kriteria yang ditetapkan, yang dibahagikan kepada enam tema sebelum dianugerahkan label SRI. Maklumat lanjut boleh diperolehi di www.llelabelisr.fr. | Sumber: ²Label Towards Sustainability dicipta oleh persekutuan sektor kewangan Belgium pada 2019 sebagai standard atau standard kualiti yang mesti dipatuhi oleh semua dana yang mengaku sebagai mampan, bertanggungjawab secara sosial, atau beretika. Ia bertujuan menjadi standard pasaran, setidak-tidaknya untuk Belgium. Maklumat lanjut boleh didapati di www.towardssustainability.be

Sumber: ³BNP Paribas Asset Management setakat Mei 2022. Prestasi lepas bukan petunjuk prestasi semasa atau masa hadapan.

Melabur dengan Peneraju Global dalam Pelaburan Pasaran Alam Sekitar

Impax Asset Management ialah ahli gabungan BNP Paribas Asset Management sejak 2007 dan merupakan pengurus yang ditugaskan untuk dana. Firma ini memiliki kepakaran yang luas, termasuk pakar dalam bidang kewangan dan alam sekitar.

Sumber: Principles for Responsible Investment, 2020. | The Queen's Award Enterprise, April 2020. Semua tanda dagangan, hak cipta dan harta intelek lain kekal sebagai harta pemiliknya masing-masing.



2020 UNPRI assessment: **A+**
Strategy and Governance



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pengurus Perhubungan anda atau Pasukan Perkhidmatan Klien Maybank Asset Management di +603 2297 7888, atau lawati kami di www.maybank-am.com

DATA UTAMA DANA

| | |
|----------------------|------------------------------------------------------------|
| Nama Dana | MAMG Global Environment Fund (“Dana”) |
| Tarikh Pelancaran | 22 Ogos 2022 |
| Nama Dana Disasarkan | BNP Paribas Funds Global Environment |
| Kategori Dana | Dana Pengantara (Runcit) |
| Jenis Dana | Pertumbuhan |
| Pengurus | Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (“MAM” atau “Pengurus”) |
| Pemegang Amanah | SCBMB Trustee Berhad |
| Pengurus Pelaburan | Impax Asset Management Ltd. |
| Akhir Tahun Kewangan | 30 April |
| Matawang Asas | USD |

| Kelas | Kelas MYR | Kelas MYR (Terlindung Nilai) | Kelas USD | Kelas AUD (Terlindung Nilai) | Kelas SGD (Terlindung Nilai) |
|--------------------|-----------|------------------------------|-----------|------------------------------|------------------------------|
| Harga Tawaran Awal | RM 0.50 | RM 0.50 | USD 0.50 | AUD 0.50 | SGD 0.50 |

Objektif Pelaburan Matlamat Dana ini ialah untuk mencapai pertumbuhan modal dengan melabur dalam Dana Sasaran, iaitu BNP Paribas Funds Global Environment.
Kelulusan Pemegang Unit adalah diperlukan bagi sebarang perubahan penting pada objektif pelaburan Dana.

Profil Pelabur Dana ini sesuai untuk pelabur yang:

- bercadang melabur pada peringkat sederhana hingga jangka panjang; dan
- sanggup menghadapi risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam Dana Sasaran, termasuk risiko melabur pada peringkat global.

Penanda Aras MSCI World
(Sumber: MSCI)
Nota: Penanda aras prestasi adalah penanda aras Dana Sasaran yang membolehkan perbandingan serupa dengan prestasi Dana Sasaran. Namun begitu, profil risiko Dana adalah berbeza daripada profil risiko penanda aras prestasi.

Strategi Pelaburan Dana ini bermatlamat mencapai objektif pelaburan dengan melabur sekurang-kurangnya 90% daripada NAV ke dalam Kelas UI13 RH USD Capitalisation Dana Sasaran.

Dana Sasaran ialah dana yang diuruskan oleh Impax Asset Management Limited, yang ditugaskan oleh Syarikat Pengurusan. Dana Sasaran ditubuhkan pada 8 April 2008 dan berpangkalan di Luxembourg. Ia merupakan subdana BNP Paribas Funds.

Memandangkan Dana ini merupakan dana berkelayakan SRI, Dana ini melabur dalam Dana Sasaran yang menggabungkan polisi pelaburan mampan pada setiap peringkat pelaburan Dana Sasaran bagi memastikan yang pelaburan Dana Sasaran adalah seiring dengan prinsip-prinsip mampan yang digunapakai dan kesan keseluruhan pelaburan Dana Sasaran sedemikian adalah konsisten dengan sebarang prinsip mampan yang lain. Pengurus pelaburan Dana Sasaran menggunakan polisi pelaburan mampan Pengurusan Aset BNP Paribas yang mengambil kira kriteria ESG dalam proses pelaburan Dana Sasaran. Sekiranya pelaburan dalam Dana Sasaran menjadi tidak konsisten dengan strategi dan polisi pelaburan, Dana Sasaran akan melucut hak pelaburan tersebut berdasarkan keadaan pasaran, tidak lewat daripada tiga bulan selepas makluman kemas kini.

Bagi menguruskan risiko mata wang, Dana mungkin menggunakan strategi lindung nilai mata wang untuk melindungi nilai melindungi nilai pendedahan mata wang asing sepenuhnya atau sebahagiannya.

Walaupun Dana ini diurus secara pasif, Pengurus akan memastikan yang ia diurus dengan betul dan cekap supaya Dana ini boleh memenuhi permintaan penebusan oleh Pemegang Unit.

Peruntukan Aset > Sekurang-kurangnya 90% daripada NAV Dana akan dilabur dalam Dana Sasaran.
> 2% - 10% NAV Dana akan dilabur dalam aset cair*.
**Aset cair meliputi, tetapi tidak terhad kepada deposit dan instrumen pasaran wang.*

Polisi Agihan Agihan, sekiranya ada, adalah sampingan dan mengikut budi bicara Pengurus. Agihan akan dibuat daripada hasil yang diperolehi dan/atau laba yang diperolehi daripada Dana.

| Amaun Pelaburan Awal Minimum [^] | Kelas MYR | Kelas MYR (Terlindung Nilai) | Kelas USD | Kelas AUD (Terlindung Nilai) | Kelas SGD (Terlindung Nilai) |
|-------------------------------------------|-----------|------------------------------|-----------|------------------------------|------------------------------|
| | RM 1,000 | RM 1,000 | USD 1,000 | AUD 1,000 | SGD 1,000 |

| Amaun Pelaburan Tambahan Minimum [^] | Kelas MYR | Kelas MYR (Terlindung Nilai) | Kelas USD | Kelas AUD (Terlindung Nilai) | Kelas SGD (Terlindung Nilai) |
|-----------------------------------------------|-----------|------------------------------|-----------|------------------------------|------------------------------|
| | RM 100 | RM 100 | USD 100 | AUD 100 | SGD 100 |

Pegangan Unit Minimum[^] 1,000 unit

Caj Jualan* Sehingga 5.00% daripada NAV setiap Unit.

Caj Penebusan Tiada.

Fi Tahunan Pengurusan Sehingga 1.80% setahun daripada NAV setiap Kelas.

Fi Tahunan Pemegang Amanah 0.02% setahun daripada NAV Dana (tidak termasuk fi dan caj penjaga asing). Tertakluk kepada yuran minima RM6,000 setahun.

Penebusan Unit Minimum[^] Tiada, selagi keperluan baki minimum dipenuhi.

Pembayaran Hasil Penebusan Dalam tempoh 9 hari perniagaan dari tarikh permintaan penebusan diterima.

*Nota: *Dari semasa ke semasa, Pengurus berhak untuk menyetepikan atau mengurangkan caj jualan mengikut budi bicara mutlak kami. Pelabur boleh berunding untuk mendapatkan caj jualan lebih rendah. Oleh itu, caj jualan akan dikenakan pada peringkat Dana sahaja. ^Atau bilangan unit lebih rendah lain seperti yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa. Pengedar kami mungkin mempunyai pelaburan permulaan minimum lebih rendah dan/atau pelaburan tambahan berbanding di atas untuk pelaburan yang dibuat menerusi platform digital mereka, tertakluk pada terma dan syarat pelaburan mereka.*

Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat: 199701006283 (421779-M))
Aras 12, Menara C, Dataran Maybank, No. 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur Malaysia. Telefon +603 2297 7888, Faksimili +603 2715 0071, www.maybank-am.com

Penafian: Brosur ini adalah gambaran ringkas Dana dan tidak menyeluruh. Sebelum membuat keputusan untuk melabur, Pelabur dinasihatkan supaya meminta, membaca dan memahami Prospektus. Prospektus untuk Maybank Asia Mixed Assets-I Fund bertarikh 22 Ogos 2022 dan sebarang tambahan sekiranya ada (“Prospektus”) telah didaftarkan/didepositkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“SC”) yang tidak akan bertanggungjawab terhadap kandungannya. Satu salinan Prospektus tersebut boleh diperolehi di pejabat kami atau di cawangan pengedar kami. Sebelum membuat pelaburan, Pelabur sekali lagi dinasihatkan supaya membaca dan memahami kandungan Prospektus. Antara lain, Pelabur hendaklah mempertimbangkan fi dan caj yang terlibat. Harga unit dan agihan yang akan dibayar sekiranya ada, mungkin turun atau naik. Prestasi Dana sebelum ini tidak boleh dianggap sebagai petunjuk prestasinya pada masa hadapan.

Kelulusan atau keizinan SC, atau pendaftaran, penyerahan atau penghantaran Prospektus tidak mewakili atau menandakan yang SC telah mengesyorkan atau mengendors Dana atau iklan, atau menyemak brosur ini.